

MAHATHIR-PELANCONGAN

KUALA TERENGGANU, 1 NOV (BERNAMA) -- PEMBANGUNAN SEKTOR PELANCONGAN DI NEGARA INI PADA MASA DEPAN AKAN LEBIH BERORIENTASI KEPADA MEMENUHI KEHENDAK DAN SELERA PERLANCONGAN DALAM NEGERI, DEMIKIAN DITEGASKAN OLEH PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

LANGKAH INI DIAMBIL BAGI MENGELAKKAN PENGALIRAN KELUAR RAKYAT NEGARA INI YANG INGIN BERCUTI ATAU MAKAN ANGIN, KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI LAPANGAN TERBANG SULTAN MAHMUD, DEKAT SINI SEBELUM BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR SELEPAS LAWATAN DUA HARI KE TERENGGANU.

+SEKALI GUS, LANGKAH ITU AKAN DAPAT MENJIMATKAN PERTUKARAN WANG ASING DAN MEMBANTU MEMULIHKAN KEADAAN EKONOMI NEGARA,+ UJAR BELIAU.

SERENTAK DENGAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGUMUMKAN BAHAWA SEBUAH HOTEL 100 BILIK BERTARAF SEDERHANA AKAN DIBINA DI PULAU PERHENTIAN, TIDAK JAUH DARI PANTAI BESUT, TIDAK LAMA LAGI.

MENTERI BESAR DATUK SERI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD YANG TURUT MENGHADIRI PERSIDANGAN AKHBAR ITU MENCELAH DENGAN MENYATAKAN BAHAWA KERAJAAN NEGERI BERHARAP HOTEL ITU DAPAT DISIAPKAN SEBELUM AKHIR TAHUN DEPAN.

KATA PERDANA MENTERI, SELAIN HOTEL ITU, BEBERAPA PROJEK PELANCONGAN JUGA AKAN DIBINA DI KAWASAN TASIK AMPANGAN HAIDRO-ELEKTRIK KENYIR, DI HULU TERENGGANU. -- LAGI.

1751MST 01 11 86

D793

U B085 DEB

MAHATHIR-PELANCONGAN 2 KUALA TERENGGANU

KATANYA, KOS PEMBINAAN HOTEL ITU YANG AKAN DILAKSANAKAN OLEH SEBUAH SYARIKAT SWASTA YANG PERBADANAN MENTERI BESAR TERENGGANU MEMPUNYAI SEBAHAGIAN EKUITINYA, BELUM DAPAT DITENTUKAN.

+BAGAIMANAPUN, KOS PEMBINAAN SETIAP BILIK HOTEL ITU DIJANGKA TIDAK AKAN MELEBIHI \$50,000,+ KATANYA.

MENURUT PERDANA MENTERI, HOTEL ITU YANG DIBINA DI KAWASAN ENAM HEKTAR, AKAN MENARIK PARA PELANCONG DALAM NEGERI YANG SELAMA INI SANGAT BERMINAT KE PULAU PERHENTIAN, TETAPI TIDAK DAPAT MELAKUKANNYA KERANA TIDAK ADA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ASAS.

KATANYA, PELAN HOTEL ITU MELIBATKAN PEMBINAAN SEBUAH RUMAH PANJANG BERTAMBAH DENGANNYA UNTUK DIJADIKAN ASRAMA BAGI MENAMPUNG PERMINTAAN GOLONGAN PELANCONGAN YANG TIDAK MAMPU BERBELANJA LEBIH.

MENURUTNYA, SELEPAS MELAWAT KAWASAN TAPAK HOTEL ITU PAGI INI, BELIAU YAKIN KEINDAHAN ALAM SEMULAJADINYA SEPERTI AIR LAUT YANG JERNIH SERTA WUJUDNYA ANEKA FLORA DAN FAUNA DI SEKELILINGNYA AKAN MENJADIKAN PULAU PERHENTIAN SEBUAH LAGI KAWASAN PELANCONGAN UTAMA NEGARA INI.

BELIAU YANG TURUT MENINJAU TASIK KENYIR SELEPAS ITU, BERKATA BANYAK KAWASAN DI DALAMNYA DAPAT DIMAJUKAN TERMASUK PULAU-PULAU DAN AIR TERJUN YANG MENJUNAM TERUS KE TASIK. -- LAGI.

1803MST 01 11 86

D794

U B086 DEB

MAHATHIR-PELANCONGAN 3 KUALA TERENGGANU

BELIAU YAKIN MASALAH KESELAMATAN PARA PELANCONG YANG AKAN TURUN UNTUK MANDI-MANDA DI TASIK ITU AKAN DAPAT DIATASI APABILA KERJA-KERJA MEMBERSIHKAN BATANG-BATANG KAYU DI KAWASAN-KAWASAN YANG TELAH DIKENALPASTIKAN UNTUK DIMAJUKAN, DILAKSANAKAN KELAK.

(SEBAHAGIAN BESAR KAWASAN TASIK ITU PADA SUATU KETIKA MERUPAKAN HUTAN RIMBA YANG TEBAL SERTA BUKIT-BUKAU YANG TINGGI. APABILA AIR DITAKUNG UNTUK MENJANAKUASA ELEKTRIK, HUTAN RIMBA ITU TELAH TENGGELAM MANAKALA BEBERAPA BUAH BUKIT HANYA TINGGAL BAHAGIAN KEMUNCAK DAN KINI MUNCUL SEBAGAI PULAU).

KETIKA MENGHURAIKAN DASAR PELANCONGAN YANG BERORIENTASIKAN SELERA PELANCONG TEMPATAN, PERDANA MENTERI BERKATA HOTEL-HOTEL BERTARAF MEWAH TIDAK PERLU DIDIRIKAN DENGAN BANYAK DI NEGARA INI.

BELIAU JUGA MENJELASKAN KENYATAANNYA YANG DIBUAT BEBERAPA HARI LEPAS MENGENAI KEPUTUSAN KERAJAAN UNTUK MENGURANGKAN PERBELANJAAN BAGI SEKTOR PELANCONGAN SEBAGAI LANGKAH BERJIMAT-CERMAT.

KATANYA, KEPUTUSAN ITU TIDAK MENJEJASKAN KAWASAN-KAWASAN YANG TELAH DIBANGUNKAN TETAPI BELUM DIMAJUKAN SEPENUHNYA. KAWASAN-KAWASAN SEUMPAMA ITU PERLU DIBERI PERHATIAN.

BERBEZA KEDUDUKANNYA DENGAN TERENGGANU, PERDANA MENTERI BERKATA NEGERI INI MEMPUNYAI BANYAK KAWASAN YANG ALAM SEMULAJADINYA TERLALU INDAH TETAPI KURANG DIKUNJUNGI PELANCONG KERANA TIADA KEMUDAHAN ASAS WALAUPUN HASRAT PELANCONG UNTUK BERKUNJUNG SENTIASA TINGGI. -- BERNAMA.

1806MST 01 11 86